

## **SANTUNILAH ANAK-ANAK TIDAK SAH TARAF, MEREKA JUGA MANUSIA**

Oleh: Zafirah binti Abu Bakar, 1171106

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia

*Disiarkan pada 12 April 2020*

Saban hari, kita sering mendengar tentang isu pembuangan bayi di merata-rata tempat. Ada mayat bayi yang ditemui dalam keadaan tragis dan tidak cukup sifat serta hilang anggota badan akibat digigit haiwan liar. Mengapa perbuatan yang tidak berperikemanusiaan ini berlaku dalam kalangan masyarakat kita?

Sebenarnya, anak-anak yang tidak sah taraf langsung tidak berdosa. Setiap manusia tiada kuasa untuk memilih ibu bapa masing-masing. Hanya Allah SWT yang berkuasa menentukannya dan yakinlah bahawa takdir Allah SWT adalah yang terbaik.

Menurut kajian Dr Mohd Azhar Abdullah dan Dr Mohd Lukman Ibrahim dari Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) pada tahun 2014, kedudukan anak-anak tidak sah taraf tidak menjejaskan hak asasi mereka dalam pelbagai bidang termasuk politik, sosial, ekonomi, keagamaan, kewarganegaraan, pendidikan dan pekerjaan.

Mereka menambah, anak yang tidak sah taraf tetap dianggap mulia dan disanjung masyarakat jika mereka menjadi insan-insan yang bertakwa, berilmu dan profesional.

Malah, jika dididik dengan baik, diisi dengan ilmu keagamaan dan didedahkan dengan akhlak yang mulia, mereka akan menjadi insan-insan yang berguna, bermanfaat serta berbakti kepada masyarakat pada masa hadapan.

Sebagai anggota masyarakat yang prihatin, kita hendaklah selalu bertanya khabar tentang kebajikan dan keperluan anak-anak tidak sah taraf. Kebanyakan anak-anak yang tidak sah taraf terabai dari segi hak-hak asasi mereka seperti peluang pendidikan dan kesihatan.

Lebih menyedihkan, sebahagian daripada mereka juga tiada tempat tinggal kerana tiada orang yang ingin memelihara dan menjaga mereka. Dikhuatiri mereka akan hidup terbiar dan membesar sebagai gelandangan di bandar raya seperti Kuala Lumpur.

Oleh itu, rakyat Malaysia serta pihak berkuasa seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat hendaklah saling bekerjasama dalam usaha menyantuni anak-anak yang tidak sah taraf agar mereka tidak berasa tersisih dan berterusan hidup dalam kegelapan.

Kita harus menyedari bahawa semua manusia di dunia ini adalah sama sahaja dari segi fitrahnya. Namun, nilai takwa yang membezakan setiap insan di sisi Allah SWT.

Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud: *“Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).”*

Adalah menjadi tanggungjawab setiap anggota masyarakat di Malaysia untuk menyantuni dan berbuat baik kepada anak-anak yang tidak sah taraf. Mereka tidak meminta dilahirkan di dunia dalam keadaan sedemikian dan menjadi tugas kita semua untuk membentuk mereka menjadi insan-insan yang berjiwa mulia.

Hayatilah sabda Nabi Muhammad SAW dalam hadis yang bermaksud: *“Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu suci. Ibu bapalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi.”* (Riwayat Al- Bukhari dan Muslim)

**Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu suci. Ibu bapalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi. (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim).**

